

09 OCT 1997

PERUTUSAN TAHNIAH SEMPENA HARI KEMERDEKAAN FIJI

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah hari ini menghantar perutusan tahniah kepada presiden Fiji Ratu Sir Kamisese Kapawai Tuimacilai Mara, kerana sambutan hari kemerdekaan negaranya.

Tuanku Ja'afar, dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra hari ini bertitah, "kita yakin persahabatan dan kerjasama antara kedua-dua negara akan terus diperkukuhkan lagi pada masa depan".

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menyampaikan perutusan tahniah kepada rakan sejawatannya Sitiveni L. Rabuka.

"Biar hubungan mesra antara kedua-dua negara diperkukuhkan lagi di masa depan demi kepentingan bersama," kata Dr Mahathir.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi juga menyampaikan ucapan tahniah kepada Menteri Luar dan Hal Ehwal Perdagangan Fiji, Berenado Vunibobo.

"Saya yakin yang kerjasama berterusan antara kedua-dua negara akan terus dipertingkatkan demi manfaat rakyat kedua-dua negara," kata beliau.

-- BERNAMA

NHD PR